



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

LAPORAN

SURVEI KHAS KESAN COVID-19 KEPADA EKONOMI DAN INDIVIDU (PUSINGAN 2)

SOROTAN SURVEI

1

Laporan ini menyediakan ringkasan penemuan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) yang telah dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 10 – 24 April 2020.

2

Survei ini mengandungi 4 modul iaitu modul umum, modul pekerjaan, modul corak kehidupan dan modul pendidikan meliputi 36 soalan.

3


Seramai 41,386 responden yang berumur 15 tahun dan ke atas telah menyertai survei ini.

4

Analisis yang dibentangkan adalah berdasarkan maklum balas responden yang telah menyertai survei ini, meliputi pandangan individu secara kualitatif mengenai ekonomi, pekerjaan, corak kehidupan dan pendidikan.

PENAFIAN (DISCLAIMER)

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada responden yang menyertai Survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh rakyat Malaysia. Ia harus ditafsir secara berhati-hati bagi menilai kesan Covid-19 di Malaysia dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang situasi semasa. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.



BANCIO 2020
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my




ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Profil Responden	3
Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin	5
Pandangan Terhadap Cara Malaysia Menangani COVID-19	10
Kesan Terhadap Gaya Hidup	11
Kesan Terhadap Pekerjaan	13
Kesan Terhadap Perbelanjaan	14
Kesan Terhadap Pendidikan	16


PROFIL RESPONDEN

Seramai **41,386** responden telah menyertai survei ini dengan **70.7** peratus responden di **bandar** dan **29.3** peratus responden di **luar bandar**.

Rajah 1: Bilangan Responden Mengikut Kumpulan Etnik




Rajah 2: Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur



Responden **perempuan** adalah lebih ramai iaitu **55.7 peratus** berbanding **lelaki** **44.3 peratus**. Tren yang sama ditunjukkan bagi semua kumpulan umur **54 tahun dan ke bawah**, sebaliknya bagi responden berumur **55 tahun dan ke atas**, responden **lelaki** melebihi responden **perempuan**.

PROFIL RESPONDEN

Rajah 3: Responden Mengikut Kumpulan Umur




Secara keseluruhan, seramai **6.6 peratus** responden berumur di antara **15-24 tahun**, **25-34 tahun (29.2%)**, **35-44 tahun (38.9%)**, **45-54 tahun (19.4%)**, **55-64 tahun (5.5%)** dan **65 tahun & ke atas (0.5%)**.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN


Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin 2020 telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 Mac 2020, yang mana pakej rangsangan ini mempunyai tiga matlamat iaitu melindungi kebajikan rakyat (RM128 bilion), **menyokong** perniagaan (RM100 bilion) dan memperkukuhkan ekonomi negara (RM2 bilion).

Rajah 4: Mendapat Faedah daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin



96.8 peratus atau **40,076 responden** menyatakan memperoleh faedah daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin berbanding hanya **3.2 peratus** tidak mendapat faedah daripada pakej ini.

Rajah 4: Bilangan Bantuan yang Diterima di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin




Jadual 1: Bentuk Bantuan yang Diterima

Bentuk bantuan	(%)
Bantuan Tunai (Bantuan Prihatian Nasional, Bantuan Pelajar IPT, E-Hailing)	79.2
Moratorium	60.5
Diskaun Utiliti	47.4
Pengeluaran tunai KWSP & Skim Saraan Swasta	41.2
Subsidi upah dan bayaran di bawah program ERP	13.7
Skim Jaminan Kredit	8.4


PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN

- **68.2 peratus** responden menerima tiga bentuk bantuan, dua bantuan (13.9%) dan satu bantuan (17.9%).
- **79.2 peratus** responden mendapat bantuan dalam bentuk **Bantuan Tunai (Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Pelajar IPT, e-hailing)**.
- **Moratorium (60.5%), Diskaun Utiliti (47.4%), Pengeluaran tunai KWSP & Skim Saraan Swasta (41.2%)** merupakan bantuan yang diterima di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin.
- Hanya **8.4 peratus** sahaja yang mendapat manfaat dari **Skim Jaminan Kredit**.

Rajah 5: Tahap Capaian Proses/ Prosedur untuk Mendapatkan Bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin




Rajah 6: Berpuas Hati dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin




PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN

Rajah 7: Kesan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin




Rajah 8: Kesan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Mengikut Strata



- **68.6 peratus responden di bandar** dan **73.6 peratus responden di luar bandar** berpendapat bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin **berkesan kerana dapat mengurangkan beban kewangan**.
- **8.6 peratus responden di bandar** dan **10.3 peratus responden di luar bandar** berpendapat ianya **berkesan sepenuhnya kerana dapat menghilangkan beban kewangan yang dihadapi** ketika tempoh PKP.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN


Rajah 9: Kelayakan Sebagai Penerima Bantuan/ Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin



- **72.2 peratus** daripada responden adalah **berstatus layak** sebagai penerima Bantuan/ Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin manakala **3.2 peratus** adalah tidak layak.
- **21.9 peratus** daripada responden **berstatus permohonan baru** dan sebanyak **2.7 peratus** berstatus rayuan.


Rajah 10: Keperluan Responden Terhadap Bantuan/ Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Bagi Fasa Seterusnya

Dengan perlanjutan tempoh PKP sehingga 28 April 2020, **majoriti responden (82.3%)** menyatakan mereka **memerlukan Bantuan/ Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin** bagi fasa seterusnya manakala **17.7 peratus** menyatakan **tidak memerlukan pakej** tersebut.



PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN


Rajah 11: Keutamaan Responden Menghadapi Situasi Sekarang



Kesihatan dan nyawa merupakan keutamaan **90.9 peratus** responden, diikuti dengan **pendapatan (pekerjaan/ perniagaan/ perusahaan)** dan **kehidupan kembali seperti normal** dengan masing-masing **4.6 peratus** dan **4.5 peratus**.

- Kesihatan & Nyawa
- Pendapatan (Pekerjaan/perniagaan/perusahaan)
- Kehidupan kembali seperti normal


Rajah 12: Keutamaan Responden Menghadapi Situasi Sekarang Mengikut Strata



- Majoriti responden di bandar dan luar bandar dengan masing-masing **90.7 peratus** dan **91.7 peratus** mengutamakan kesihatan dan nyawa.
- Bagi responden di bandar, pendapatan (**4.8%**) merupakan keutamaan kedua diikuti dengan kembali hidup seperti normal (**4.5%**).
- Berbeza dengan responden di luar bandar, kehidupan kembali normal (**4.3%**) merupakan pilihan kedua diikuti dengan pendapatan (**4.0%**).


PANDANGAN TERHADAP CARA MALAYSIA MENANGANI COVID-19

Rajah 13: Pandangan Terhadap Petugas Kesihatan (*Frontliners*) dan Fasilitas Kesihatan yang Disediakan Kerajaan dalam Menangani COVID-19



Sebanyak **96.1 peratus** responden berpuas hati dengan petugas kesihatan (*frontliners*) dan fasilitas kesihatan yang disediakan kerajaan dalam menangani Covid-19. Manakala jumlah peratusan responden yang **tidak berpuas hati** hanya **0.5 peratus**.


Rajah 14: Pandangan Terhadap Pencapaian dan Fasilitas yang Disediakan dalam Menangani COVID-19 di Malaysia Berbanding Negara-Negara Lain



Majoriti rakyat Malaysia iaitu sebanyak **93.7 peratus** berpuas hati dengan pencapaian dan fasilitas yang disediakan dalam menangani COVID-19 di Malaysia berbanding negara-negara lain dan jumlah peratusan responden yang **tidak berpuas hati** adalah sebanyak **0.9 peratus**.


KESAN TERHADAP GAYA HIDUP

Rajah 15: Wabak COVID-19 Mempengaruhi Gaya Hidup Responden



Secara keseluruhan, wabak COVID-19 telah **mempengaruhi gaya hidup 96.3 peratus responden**. Manakala gaya hidup 3.7 peratus responden tidak dipengaruhi oleh penularan wabak ini.


Rajah 16: Bersedia untuk Mengekalkan Gaya Hidup Sekarang setelah Kembali kepada Kehidupan Normal selepas PKP/ Wabak COVID-19



92.9 peratus atau 38,455 responden bersedia untuk mengekalkan gaya hidup sekarang setelah kembali kepada kehidupan normal selepas tamat PKP/ wabak COVID-19.


KESAN TERHADAP GAYA HIDUP

Rajah 18: Perubahan Gaya Hidup yang Akan Dilakukan



Rajah 19: Perubahan Gaya Hidup yang Akan Dilakukan Mengikut Strata


Hampir **94.0 responden di bandar dan luar bandar bersedia untuk meningkatkan penjagaan kebersihan/ hygiene** setelah kembali kepada kehidupan normal selepas PKP/ wabak COVID-19. Ini menunjukkan majoriti responden sama ada di bandar atau luar bandar bersedia untuk meningkatkan amalan penjagaan kebersihan diri bagi mengekang jangkitan penyakit.



Hampir **94.0 peratus responden di bandar dan luar bandar bersedia untuk meningkatkan penjagaan kebersihan/ hygiene** setelah kembali kepada kehidupan normal selepas PKP/ wabak COVID-19. Ini menunjukkan majoriti responden sama ada di bandar atau luar bandar bersedia untuk meningkatkan amalan penjagaan kebersihan diri bagi mengekang jangkitan penyakit.

KESAN TERHADAP PEKERJAAN

Rajah 20: Adakah Responden Bekerja



*Nota:

Luar tenaga buruh ialah penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

65.4 peratus responden terdiri daripada mereka yang bekerja manakala 21.6 peratus responden tidak bekerja. Di kalangan yang bekerja, 42.6 peratus bekerja dari rumah dan 20.3 peratus bekerja secara bergilir / mengikut keperluan dengan bergaji penuh.

KESAN TERHADAP PERBELANJAAN

Jadual 1: Perbelanjaan Utama Barangan Makanan Semasa PKP

Item	%
Beras	92.1
Ikan/ ayam/ daging/ makanan laut untuk dimasak	91.5
Telur	87.7
Sayur sayuran	86.8
Barangan keperluan untuk masakan (contoh: bawang kecil, bawang putih, gula, garam, dll)	85.8
Minyak masak	84.6
Barang makanan kering (contoh: bihun, biskut, nestum, dll)	83.9
Roti	78.1
Tepung (termasuk tepung gandum, tepung beras, tepung pulut, dll)	77.3
Buah-buahan	68.5
Minuman di dalam tin (contoh: milo, susu pekat, susu tepung, dll)	63.6
Makanan sejuk beku (contoh: sosej, nugget, bebola ikan, jejari kentang, dll)	57.5
Mi segera	45.9
Air Minuman	34.8
Vitamin/ makanan tambahan	32.3
Spaghetti	23.4
Makanan haiwan	22.7
Makanan siap dimasak (<i>takeaway/ delivery</i>)	19.9
Minuman 3-in-1	19.2
Makanan bayi	16.0
Lain-lain	1.9

Semasa PKP berkuatkuasa, majoriti responden memilih untuk membeli barangan makanan berupa **beras, ikan/ayam/daging/makanan laut untuk dimasak dan barangan keperluan masakan (seperti bawang, gula garam dan lain-lain)** dengan masing-masing **92.1 peratus, 91.5 peratus dan 87.7 peratus**.

KESAN TERHADAP PERBELANJAAN


Jadual 2: Perbelanjaan Utama Barangan Bukan Makanan Semasa PKP

Item	%
Pencuci tangan	76.9
Sabun pencuci baju	76.1
Topeng muka	74.5
Alatan mandian	71.0
Pembasmi kuman	67.7
Ubat-ubatan (contoh: ubat demam, ubat selesema, ubat batuk, dll)	56.1
Tisu (<i>Paper tissue</i>)	53.2
Tuala wanita	51.4
Sarung tangan (pelbagai saiz)	36.3
Tisu basah	31.1
Lampin bayi	26.0
Termometer	12.6
Kit pertolongan cemas	12.0
Lain-lain	2.0

Bagi barangan bukan makanan pula, **pencuci tangan (76.9%)**, **sabun pencuci baju (76.1%)** dan **topeng muka (74.5%)** menjadi pilihan utama responden.


KESAN TERHADAP PENDIDIKAN

Rajah 21: Tahap Capaian Internet bagi Pembelajaran Online



Majoriti responden menyatakan bahawa tahap **capaian internet** bagi pembelajaran **online** adalah **sederhana (54.5%)**. Manakala hanya **1.1 peratus sahaja** yang **tiada capaian** (tidak ada kemudahan internet).


Rajah 22: Purata Jam Sehari Pembelajaran *Online* Sepanjang Tempoh PKP



67.5 peratus responden/ anak melaksanakan sesi pembelajaran *online* secara purata **1 sehingga 5 jam** sehari sepanjang tempoh PKP. Manakala mereka yang menjalani sesi pembelajaran *online* **melebihi daripada 8 jam** sehari adalah sebanyak **7.4 peratus**.

KESAN TERHADAP PENDIDIKAN

Rajah 23: Waktu Capaian Pembelajaran *Online* Lebih Pantas



Sebanyak **46.3 peratus** menyatakan bahawa **waktu capaian pembelajaran online lebih pantas pada siang hari iaitu di antara jam 7 pagi hingga 12 tengahari** diikuti **32.5 peratus** menyatakan **capaian adalah lebih pantas pada waktu malam**.